

Aplikasi QR Order & Pay Later StoreHub diperluas ke pelbagai restoran

Dagang News

Jun 27, 2022 12:28 MYT

KUALA LUMPUR: Penyedia penyelesaian digital omnichannel untuk restoran dan kedai runcit, StoreHub mengumumkan peningkatan pada penyelesaian Pesanan & Bayar QR (QR Order & Pay Later) mereka iaitu sistem pesanan tanpa sentuh syarikat untuk kedai F&B.

Dilancarkan pada 2021, penyelesaian Pesanan & Bayar QR membolehkan pengunjung memesan dan membayar terlebih dahulu melalui telefon bimbit mereka di restoran yang mengambil bahagian.

Syarikat itu baru-baru ini telah mengembangkan tawarannya dengan memenuhi lebih banyak aliran operasi restoran dengan Pesanan QR & Bayar Kemudian dan Pesanan & Bayar QR Di Kaunter.

Pengasas Bersama dan Ketua StoreHub, Wai Hong Fong berkata, pelepasan aliran operasi baharu sejakar dengan matlamat mereka untuk sentiasa berinovasi pada penyelesaian hujung ke hujung untuk peniaga di ruang F&B untuk membantu menyampaikan pengalaman pelanggan yang luar biasa dengan lebih lancar.

"Dengan memenuhi pelbagai aliran operasi yang lebih luas, kami memperkasakan rakan kongsi restoran dengan lebih kawalan ke atas keupayaan mereka untuk menyesuaikan pengalaman pelanggan mereka di kedai, faktor penting yang boleh membantu mereka membezakan diri mereka dalam industri F&B yang semakin kompetitif, kini orang ramai sebahagian besarnya telah menyambung makan di dalam.

"Walaupun masih di peringkat awal, kami sudahpun melihat maklum balas positif daripada peniaga kami yang menggunakan Pesanan & Bayar QR, dengan rakan kongsi restoran melaporkan peningkatan sehingga 1.9x dalam nilai pesanan purata (AOV) melalui sistem berbanding pesanan melalui pelayan.

"Selain daripada memperkemas operasi, kami percaya bahawa fleksibiliti penyelesaian ini membolehkan pelanggan memesan mengikut kadar mereka sendiri dan meningkatkan pengalaman menjamu selera secara keseluruhan, yang seterusnya diterjemahkan kepada pertumbuhan perniagaan untuk rakan kongsi restoran," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pedagang yang sudah menggunakan Pesanan & Bayar QR Storehub boleh mengaktifkan ciri baharu melalui platform BackOffice StoreHub untuk ciri dalam bahagian perseediaan kedai.

Ciri Pesanan QR & Bayar Kemudian akan membolehkan pelanggan melihat menu restoran, dan memesan makanan mereka dengan mengimbas kod QR menggunakan telefon mudah alih mereka atau aplikasi Beep.

Mereka juga boleh menambah hidangan pada bila-bila masa dan hanya perlu membuat pembayaran selepas selesai makan. Pelanggan hanya perlu mengimbas kod QR, memilih item yang mereka mahu dan mengesahkan pesanan mereka.

Dari situ, mereka akan menerima ringkasan pesanan di mana mereka boleh menyemak pesanan dan kos, menambah lebih banyak pesanan atau membayar pada bila-bila masa semasa makan.

Sebaliknya, Pesanan QR & Bayar di Kaunter berfungsi sama tetapi memberi pengunjung pilihan untuk membayar di kaunter dengan wang tunai.